

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	RM23.8 juta untuk skim innofund sejak RMK-10 – MOSTI	BERNAMA
2.	RM23.8 million allocated for innofund scheme since 10MP – MOSTI	BERNAMA
3.	MOSTI will continue to prioritise nanotechnology research	BERNAMA
4.	Transformasi SIRIM fokus komersial	Utusan Malaysia
5.	Lebih 130 organisasi terima pengiktirafan	Utusan Malaysia
6.	Majlis SIRIM Industri 2016	Utusan Malaysia
7.	Penandaarasan antarabangsa, KBAT lahir modal insan berkualiti	Berita Harian



RM23.8 Juta Untuk Skim Innofund Sejak RMK-10 - MOSTI

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Sebanyak RM23.8 juta diperuntukkan oleh **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** menerusi geran inovasi skim Innofund sejak Rancangan Malaysia Ke-10.

MOSTI dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini berkata geran itu, yang ditawarkan di bawah Dana PraPengkomersilan kementerian itu, bertujuan menggalakkan percambahan inovasi melalui pembangunan, penambahbaikan produk baharu atau sedia ada yang boleh memberikan nilai ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Mengenai cadangan menambah jumlah maksimum geran daripada nilai sedia ada sebanyak RM500,000 bagi setiap projek, MOSTI berkata ia belum bercadang meningkatkan jumlah itu.

"Ini kerana tempoh pelaksanaan projek yang melibatkan geran itu adalah singkat iaitu diantara 12 – 18 bulan sahaja. Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa nilai sedia ada adalah memadai," Kata MOSTI

Kementerian itu menjawab pertanyaan Datuk Sapawi Ahmad Wasali (BN-Sipitang) yang bertanya mengenai jumlah geran inovasi yang dipohon penyelidik tempatan serta cadangan menambah jumlahnya bagi setiap projek ke satu amaun yang difikirkan bersesuaian.

--Bernama



RM23.8 Million Allocated For InnoFund Scheme Since 10MP - MOSTI

KUALA LUMPUR, Nov 24 (Bernama) -- A total of RM23.8 million was allocated by the **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** through the innovation grant (InnoFund) scheme since the 10th Malaysia Plan (10MP).

MOSTI in a written reply in the Dewan Rakyat today said the grant, which was offered under the ministry's Pre-Commercialisation Fund, was aimed at promoting the proliferation of innovation through the development, improvement of new or existing products which could provide economic value and improve the societal well-being of the community.

On the proposal to increase the maximum amount of the grant from the current RM500,000 for each project, MOSTI said it had no plans to do so.

"This is because the implementation period of projects using the grant is quite brief, only between 12 to 18 months. The Ministry believes that the existing amount is adequate," Said MOSTI

The Ministry was answering the question by Datuk Sapawi Ahmad Wasali (BN-Sipitang) regarding the number of innovation grants applied by local researchers and the proposal to increase the amount for each projects.

--Bernama



MOSTI Will Continue To Prioritise Nanotechnology Research

KUALA LUMPUR, Nov 24 (Bernama) -- The **Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)** will continue to prioritise research on nanotechnology to turn the sector into the nation's new growth engine.

Under the 11th Malaysia Plan (11MP), nanotechnology research will focus on the development of applications in the energy sector and environment; medical and healthcare; electronics and systems; and food and agriculture.

"Apart from R&D on nano products that can be commercialised, the ministry is also committed to responsible development of nanotechnology.

"Under the provisions of 11MP, the ministry has implemented the Safety Materials and Nano Products Risk Benchmark."

MOSTI said this in a written reply to a question from Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) who wanted to know the status of studies and research on nanotechnology in parliament, here today.

It added the evaluation process would involve testing to determine the safety of the products to the public and their impact on the environment.

The health sector and the defence sector are among the sectors which will greatly benefit from research and development on nanotechnology.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Transformasi SIRIM fokus komersial

Oleh FAZRINA AYU RADUAN
ekonomi@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 24 NOV.

PELAN Transformasi Strategik Lima Tahun SIRIM telah menunjukkan pencapaian membarangsangkan terutama dari segi pengkomersialan produk teknologi dan peningkatan aplikasi teknologi dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, kejayaan pelan transformasi yang memasuki tahun keempat pelaksanaannya bertujuan membolehkan SIRIM membentuk hala tuju sendiri untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pemegang kepentingan serta memenuhi jangkaan kerajaan.

"Pelan ini membolehkan SIRIM menerokai pengkomersialan ke tahap lebih tinggi. Ia menggariskan peranan komersial dan peranan untuk kerajaan. Memandangkan SIRIM adalah anak syarikat kerajaan, ia turut mempunyai tanggungjawab dari segi pembangunan dan tidak berorientasikan keuntungan," katanya.

Peranan komersial SIRIM kini digalas oleh enam buah anak



Pelan ini membolehkan SIRIM menerokai pengkomersialan ke tahap lebih tinggi. Ia menggariskan peranan komersial dan peranan untuk kerajaan."

ZAINAL ABDIN MOHD. YUSOF
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM

syarikat SIRIM yang diamanahkan untuk menjana keuntungan syarikat kepada organisasi kualiti dan teknologi perindustrian itu.

"Peranan pembangunan untuk kerajaan pula dilaksanakan oleh SIRIM Industrial Research dan Institut Metrologi Kebangsaan Malaysia," kata Zainal Abidin.

"Prestasi anak syarikat kini lebih baik dengan kebanyakannya mampu menjana keuntungan namun bagi peranan pembangunan untuk kerajaan, defisitnya agak membimbangkan. Matlamat kami adalah untuk mencapai titik pulang modal dan mencapai kadar pertumbuhan lestari yang termampu," kata beliau.

Satu daripada aktiviti utama yang dilakukan pada tahun lalu, adalah program audit teknologi yang diperkenalkan di bawah program Penembusan Teknologi dan Peningkatan PKS dan dibangunkan khusus untuk PKS di Malaysia oleh SIRIM dan Fraunhofer Institute (Fraunhofer), sebuah institusi teknologi terkemuka di Jerman dan pertubuhan penyelidikangunaan terbesar di Eropah.

"Sehingga kini, lebih 280 syarikat telah diaudit bagi tujuan peningkatan produktiviti. Malah, kerajaan juga telah memperuntukkan RM30 juta untuk tujuan ini dan sokongan daripada penggiat industri sangat memberangsang-



STANDARD Industri SIRIM dapat membantu industri terutamanya dalam aspek kawalan kualiti, memudahkan penerimaan produk di pasaran, pengurusan organisasi atau industri serta menjaga aspek keselamatan dan kesihatan komuniti.

kan justeru kerajaan turut memperuntukkan RM200 juta melalui SME Bank bagi membolehkan PKS mendapatkan pembiayaan mudah (*soft-loan*) yang telah mengikuti Audit Teknologi SIRIM," katanya.

Zainal Abidin berkata, melalui program pengauditan teknologi ini, SIRIM, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kini mengukuhkan hubungan erat dengan pihak industri termasuk membantu mengembangkan perusahaan dengan peningkatan produktiviti, mekanisasi dan automasi sekali gus akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja termasuk pekerja asing.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, selaku pusat penyelidikan yang lengkap dan terunggul di negara ini, SIRIM Industrial Research melakukan pelbagai penyelidikan, dengan pembangunan yang terbaharu iaitu sebuah makmal pengujian sistem brek bagi memastikan keselamatan kenderaan komersial di negara ini.

"Kita turut melibatkan diri dalam bidang baharu iaitu peranti kesihatan dengan penciptaan kemudahan pengujian bagi peranti perubatan yang mempunyai akreditasi bagi keserasian bio, biomekanikal dan mikrobiologi.

SIRIM turut menyumbangkan penciptaan implan biomedikal yang memberi manfaat kepada industri kesihatan negara ini.

"Selain itu, dalam melestarikan keseimbangan alam sekitar, SIRIM juga telah menghasilkan pembungkusan hijau biru (Green Blue Packaging) yang membolehkan produk itu dikitar semula, malah SIRIM turut bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi projek pembungkusan terbiodegradasi melalui program reka bentuk pembungkusan dan keselamatan," katanya.

Katanya lagi, dalam meningkatkan kemajuan penggiat industri, SIRIM telah membangunkan Standard Industri yang dapat membantu industri terutamanya dalam aspek kawalan kualiti, memudahkan penerimaan produk di pasaran, pengurusan organisasi atau industri serta menjaga aspek keselamatan dan kesihatan komuniti.

"Standard Industri SIRIM yang dibangunkan khas untuk sesuatu industri, persatuan atau organisasi ini juga akan membantu memenuhi keperluan standard ditetapkan oleh badan-badan tertentu sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa," ujarnya.



SIRIM mengukuhkan hubungan erat dengan pihak industri termasuk membantu mengembangkan perusahaan dengan peningkatan produktiviti, mekanisasi dan automasi.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

**Lebih 130
organisasi
terima
pengiktirafan**

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Majlis SIRIM Industri 2016 yang berlangsung di sini malam esok, bakal meraikan lebih 130 organisasi dari pelbagai industri dan agensi kerajaan yang menerima pensijilan kualiti daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Menurut SIRIM Berhad, penyampaian sijil tersebut akan disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Katanya, semua organisasi berkenaan berjaya menerima pensijilan daripada anak syarikat SIRIM Berhad itu bagi tempoh 1 Oktober 2015 hingga 31 Oktober 2016.

Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 1,109 pensijilan yang terdiri daripada 451 pensijilan perkhidmatan dan 658 pensijilan produk telah dikeluarkan oleh SIRIM QAS International.

"Majlis bertemakan "Memangkin Perniagaan. Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan", bertujuan merapatkan kerjasama dan hubungan di antara SIRIM dengan industri dan agensi-agensi kerajaan, selain meningkatkan kesedaran dalam kalangan industri dan syarikat tempatan mengenai kepentingan kualiti dalam penghasilan produk," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sehingga kini, lebih daripada 9,000 organisasi di bawah Skim Pensijilan Barangan dan lebih daripada 6,000 organisasi dalam Skim Pensijilan Perkhidmatan telah mendapat pengiktirafan SIRIM QAS International.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)



Memangkin Perniagaan. Mempertingkatkan Kualiti Kehidupan

Kami berbangga kerana dianugerahkan pensijilan berprestij
SKIM PENSIJILAN BARANGAN
PRESSURE REGULATOR FOR LIQUEFIED PETROLEUM GAS

MAJLIS
SIRIM
INDUSTRI
2016



CERTIFIED TO MS 1165 : 2008
CERT. NO. : PC002444



MILUX SALES & SERVICE SDN. BHD.

No. 31, Lorong Jala 14/KS10, Off Jalan Telok Gong, 42000 Port Klang, Selangor, Malaysia

Daripada



KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 25 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)

Penandaarasan antarabangsa, KBAT lahir modal insan berkualiti

➔ TIMSS, PISA bantu rancang, tambah baik sistem pendidikan

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
suhaila.shahrul@bh.com.my

► Putrajaya

Penandaarasan pada peringkat antarabangsa adalah antara kaedah yang digunakan oleh sesebuah negara untuk menilai keberkesanan sistem pendidikan bagi menjana kemajuan negara pada masa depan.

Timbalan Pengarah (Dasar dan Perancangan), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan, Dr Habibah Abdul Rahim, berkata penandaarasan itu dibuat melalui penilaian terhadap tahap pengetahuan, kemahiran murid, amalan serta kompetensi guru di bilik darjah yang menitikberatkan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Katanya, jika dilihat dari sudut ekonomi, kajian perbandingan antarabangsa adalah satu mekanisme yang dapat mengukur kompetensi modal insan sesebuah negara, sekali gus mempengaruhi minat pelabur asing melabur bergantung kepada pelbagai aspek, termasuk kualiti pendidikan yang mencerminkan kredibiliti rakyatnya.

"Maka tidak hairan banyak negara di dunia melakukan transformasi terhadap sistem pendidikan mereka dengan memperkenalkan dasar pendidikan serta amalan baharu berdasar dapatan diperolehi melalui pentaksiran dan kajian pada peringkat antarabangsa."

"Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara susulan mengambil bahagian dalam pentaksiran dan kajian peringkat antarabangsa, iaitu Trends in International Mathematics and Science Study

(TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA).

"Dapatan daripada pentaksiran dan kajian itu mencekuk perubahan komprehensif serta dinamik dalam sistem pendidikan negara yang diterjemah melalui dokumen perancangan pendidikan jangka panjang Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025," katanya baru-baru ini.

TIMSS tumpu Matematik, Sains
Katanya, setiap negara mempunyai ciri keunikan serta konteks tersendiri selain perlu memahami dan bersedia dengan setiap implikasi dalam melaksanakan sistem pendidikan masing-masing.

"Disebalik itu, setiap negara memerlukan data mengenai tahap pengetahuan dan kemahiran murid serta amalan dan kompetensi guru di bilik darjah yang dikumpul secara konsisten, selain mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi sesebuah negara itu merancang penambahbaikan atau perubahan dalam meningkatkan kualiti sistem penyampaian pendidikan," katanya.

Katanya, TIMSS adalah kajian yang memberi tumpuan kepada kurikulum Matematik dan Sains dalam dua dimensi, iaitu kandungan dan kognitif.

Jelasnya, TIMSS disertai Malaysia adalah TIMSS Gred 8 yang menilai prestasi murid Tingkatan Dua dalam subjek Sains dan Matematik serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran kedua-dua mata pelajaran itu dengan menggunakan instrumen kajian daripada set ujian dan soal selidik.

Beliau berkata, TIMSS dilaksanakan dalam kitaran setiap empat tahun, yang mana Malaysia mula

Info

39 negara peserta TIMSS 2015

Kazakhstan

Australia

Bahrain

Botswana

Kanada

Chile

Taipei, China

England

Mesir

Georgia

SAR, Hong Kong

Hungary

Republik Islam, Iran

Ireland

Israel

Itali

Jepun

Jordan

Republik Korea

Kuwait

Lubnan

Lithuania

MALAYSIA

Malta

Maghribi

New Zealand

Norway

Oman

Qatar

Rusia

Arab Saudi

Singapura

Slovenia

Afrika Selatan

Sweden

Thailand

Turki

Emirates Arab Bersatu

Amerika Syarikat



Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara susulan mengambil bahagian dalam pentaksiran dan kajian peringkat antarabangsa, iaitu Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA)"

Habibah Abdul Rahim,
Timbalan Pengarah
(Dasar dan Perancangan),
Bahagian Perancangan dan
Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan

menyertainya pada 1999, diikuti 2003, 2007, 2011 dan 2015 yang mana pencapaian TIMSS 2015 akan diumumkan pada 29 November ini dengan sampel membabitkan 9,726 murid dan 207 sekolah.

"Sampel TIMSS Gred 8 adalah murid Tingkatan Dua, guru matematik, guru sains dan pentadbir sekolah yang mana pemilihannya dilakukan pihak International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) secara rawak mengikut lokasi, pentadbiran (sekolah kerajaan atau bukan kerajaan), jenis sekolah dan Gred Purata Sekolah.

"Penurunan skor yang ketara dalam TIMSS 2011 mencetuskan pelbagai inisiatif untuk penambahbaikan terhadap aspek kurikulum, pengajaran dan pembelajaran (PdP), latihan guru serta pentaksiran peringkat kebangsaan seperti menetapkan 20 peratus item KBAT dimasukkan dalam peperiksaan awam mulai 2013 selepas mengenal pasti kelemahan murid, terutama dalam KBAT.

"Satu faktor yang dikenal pasti menjadi punca kemerosotan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA ialah murid di Malaysia tidak biasa dengan soalan bersifat terbuka dan bukan rutin," katanya.

PISA ukur pengetahuan, kemahiran murid

Habibah berkata, PISA pula adalah pentaksiran dan kajian antarabangsa yang mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran murid berusia 15+ tahun dalam tiga domain iaitu Literasi, Bacaan, Literasi Matematik dan Literasi Sains dengan kekerapan setiap tiga tahun.

Katanya, melalui PISA, Organi-

sation for Economic Co-operation and Development (OECD) menilai sejauh mana murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di sekolah untuk menghadapi cabaran kehidupan sebenar yang mana tumpuannya bukan pada pencapaian ujian, tetapi amalan pendidikan yang lebih baik melalui PdP berkualiti tinggi.

"PISA mengukur sampel murid yang sudah menjalani pendidikan formal atau wajib selama kira-kira sembilan tahun dan mengukur tahap kesediaan mereka untuk menepati dunia pekerjaan dan menyumbang kepada masyarakat dan negara.

"Ia juga adalah satu-satunya kajian pendidikan antarabangsa yang mengukur pengetahuan dan kemahiran murid berusia 15+ tahun, iaitu satu tahap umur murid di kebanyakan negara yang berada di penghujung tempoh pendidikan wajib di sekolah.

"Malaysia mula mengambil bahagian dalam PISA sejak 2010 dan bagi kajian PISA 2015 sebanyak 230 sekolah seluruh negara membabitkan 9,660 murid dipilih sebagai sampel yang mana pencapaiannya akan diumumkan pada 6 Disember ini," katanya.

Pendidikan negara ke tahap antarabangsa

Sementara itu, Timbalan Pengarah (Pendidikan dan Penilaian), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan, Dr Ahmad Rafee Che Kassim, berkata penyertaan negara dalam TIMSS dan PISA memberikan manfaat yang sangat bermakna bagi memutus dasar merancang dan menambah baik pendidikan negara untuk penyediaan modal insan yang boleh bersaing pada peringkat global.